

Helikopter terpaksa berpatah balik akibat jerebu

UTUSAN ONLINE | 18 September 2019 4:41 PM



23

KUCHING 18 Sept. - Sebuah helikopter milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang sepatutnya terbang daripada Miri untuk operasi pemadaman kebakaran tanah gambut di Sri Aman dan Betong, di sini, terpaksa berpatah balik akibat jerebu.

Pengarah JBPM Sarawak, Khirudin Drahan berkata, helikopter berkenaan terbang daripada Unit Udara Bomba dan Penyelamat, Miri, pagi tadi namun, terpaksa berpatah balik sebaik tiba di kawasan Niah, disebabkan jarak penglihatan di udara hanya sekitar 500 meter.

"Justeru atas nasihat Kawalan Trafik Udara demi keselamatan krew, walaupun mereka berusaha untuk bantu kita tetapi mereka terpaksa berpatah balik," katanya kepada Bernama.

Terdahulu, beliau menyerahkan bendera kontinjen JBPM Sarawak sempena pertandingan Fire Fighter and Rescue Exercise Challenge di sini, hari ini.

Selain helikopter berkenaan, sebuah lagi aset udara iaitu pesawat Bombardier CL-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dikerahkan ke dua kawasan berkenaan bagi memadam kebakaran di tiga lokasi iaitu Kampung STC, Jalan Tisak Beyong dan Jalan Kejatau.

"Kampung STC berdekatan dengan bandar Sri Aman, dua lagi adalah kawasan separuh ladang dan separuh hutan, kita diminta tangani segera supaya tak jadi penyumbang kepada jerebu," katanya.